

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**SUSUNAN URUSAN
MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BAGI TAHUN 2026**

-
- I. **MEMBACA DOA**
 - II. **MEMBETULKAN JURNAL (MINIT MESYUARAT)**
 - III. **PERUTUSAN TITAH DARIPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
 - IV. **UCAPAN YANG DI-PERTUA**
 - V. **USUL - USUL**

BIL.1 - USUL MENJUNJUNG KASIH

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

"Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al- Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Majlis ini dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Majlis menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya."

BIL.2 - USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

“Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggai 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$480,000,000.00 (Empat Ratus Lapan Puluh Juta Dolar) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2026/2027, dibentangkan sebagai Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan.”

BIL.3 - USUL KETETAPAN DIBAWAH PERKARA 83(7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959 BAGI SENARAI PERINTAH-PERINTAH YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2025/2026 MENURUT PERKARA 83 (3) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

“Majlis ini mengusulkan ketetapan menurut Perkara 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam untuk diusulkan di Majlis ini dan adalah masing-masing berkuatkuasa mulai dari tarikh Perintah-Perintah dibuat diluluskan.”

VI. PERTANYAAN

VII. KENYATAAN MENTERI

VIII. RANG UNDANG-UNDANG

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

“Rang Undang-Undang (2026) Perbekalan, 2026/2027”